

**MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K)***(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940-1946)*

100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Rekod Pendeposit bagi saham-saham biasa Malayan Banking Berhad ("**Maybank**") akan ditutup pada jam 5.00 petang pada 29 April 2013 ("**Tarikh Kelayakan**") untuk menentukan kelayakan pemegang-pemegang saham bagi dividen tunai akhir sebanyak 33 sen (28.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang dipegang dalam Maybank ("**Saham Maybank**") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, yang telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Maybank di mesyuarat agung tahunan yang berlangsung pada 28 Mac 2013 ("**Dividen Tunai Akhir**").

**DAN BAHAWA** pemegang-pemegang saham Maybank layak untuk Dividen Tunai Akhir hanya apabila:

- Saham Maybank didepositkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 12.30 tengahari pada 25 April 2013 (bagi saham-saham yang dikecualikan daripada deposit mandatori);
- Saham Maybank dipindahkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit bagi pindahan biasa sebelum jam 4.00 petang pada 29 April 2013; dan
- Saham Maybank dibeli termasuk asas kelayakan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") berdasarkan peraturan-peraturan Bursa Securities (iaitu sebelum jam 5.00 petang pada 24 April 2013).

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA** pelan pelaburan semula dividen ("**DRP**") yang boleh dipilih dan berulang yang membenarkan pemegang-pemegang saham Maybank untuk melabur semula dividen tunai mereka ke dalam Saham Maybank baru adalah untuk pembayaran Dividen Tunai Akhir, di mana bahagian boleh pilih kasar daripada Dividen Tunai Akhir adalah 29 sen (24.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank yang dipegang tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam dokumen dan borang **DRP** yang berkaitan yang akan dihantar kepada pemegang-pemegang saham yang layak dua (2) hari pasaran selepas Tarikh Kelayakan (iaitu menjelang 2 Mei 2013).

Tarikh tutup untuk mengambil bahagian dalam **DRP** bagi Dividen Tunai Akhir disasarkan pada 16 Mei 2013. Harga terbitan Saham Maybank baru yang akan diterbitkan sehubungan dengan **DRP** bagi Dividen Tunai Akhir telah ditetapkan pada RM8.80 bagi setiap Saham Maybank baru ("**Harga Terbitan**"). Harga Terbitan ini berdasarkan lima (5) hari jumlah harga pasaran purata wajaran (*Volume Weighted Average Market Price* atau "**VWAMP**") sebanyak RM9.61 setiap Saham Maybank sehingga dan termasuk 11 April 2013, yang merupakan hari terakhir dagangan sebelum tarikh penetapan harga bagi Harga Terbitan yang ditetapkan pada 12 April 2013, selepas menyelaraskan yang berikut:

- penyelarasan dividen kasar sebanyak RM0.33 daripada lima (5)-hari **VWAMP** ("**VWAMP Tanpa-Dividen**"); dan
- diskaun sebanyak RM0.48 iaitu lebih kurang 5.17% diskaun daripada **VWAMP Tanpa-Dividen** sebanyak RM9.28.

Jangkaan tarikh bagi terbitan dan peruntukan Saham Maybank baru serta pembayaran dividen tunai kepada pemegang-pemegang saham yang layak adalah pada 29 Mei 2013.

Dengan perintah Lembaga Pengarah

**MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI****(LS 0008977)**

Setiausaha Syarikat

24 April 2013

Pemegang-pemegang saham Maybank boleh melayari laman web Maybank ([www.maybank.com/drp](http://www.maybank.com/drp)) untuk maklumat lanjut dan tarikh-tarikh utama berkaitan **DRP**.